

01 NOV 2001

SABAH AKAN BELANJA RM40 DAN RM50 JUTA UNTUK BONUS DAN KENAIKAN GAJI

KOTA KINABALU, 1 Nov (Bernama) -- Kerajaan Sabah dijangka akan membelanjakan antara RM40 dan RM50 juta untuk membayar bonus dan kenaikan gaji kepada 35,000 kakitangan awamnya.

Pembayaran setengah bulan bonus atau minimum RM1,000 dan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus itu selaras dengan pengumuman yang dibuat semasa pembentangan Belanjawan Negara 2002, baru-baru ini, untuk kakitangan awam persekutan.

Menteri Kewangan Sabah Datuk Musa Aman berkata demikian kepada pemberita selepas membentangkan belanjawan negeri 2002 di Dewan Undangan Negeri di sini, hari ini.

Ditanya sama ada kakitangan awam boleh menerima bayaran itu sebelum Hari Raya Puasa pada Disember ini, beliau berkata, "Saya tidak boleh katakan sekarang, tetapi kita akan umumkan apabila kerajaan negeri sudah bersedia."

Terdahulu, ketika membentangkan belanjawan negeri, beliau berkata durian runtuh itu sebagai menghargai dan pengiktirafan kepada usaha dan sumbangan kakitangan awam dalam melaksanakan program kerajaan.

"Walaupun pembayarannya satu beban kepada kerajaan, kita berharap pemberian bonus dan kenaikan gaji ini akan menggalakkan kakitangan awam menggandakan usaha, menambahkan produktiviti dan menyumbang ke arah meningkatkan ekonomi negeri," kata beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bonus setengah bulan dan kenaikan gaji itu pada 19 Okt ketika membentangkan Belanjawan Negara di Dewan Rakyat.

-- BERNAMA

NT ZB